



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING BAHAGIAN KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2006

CAJ RAWATAN PERUBATAN BAGI PELARIAN YANG BERDAFTAR SECARA SAH DENGAN PESURUHJAYA TINGGI BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI HAL EHWAL PELARIAN (UNITED NATIONS HIGH COMMISSIONER FOR REFUGEES- UNHCR)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital, Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan mana-mana institusi perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang menawarkan perkhidmatan kesihatan mengenai kadar caj rawatan perubatan bagi pelarian yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hal Ehwal Pelarian (United Nations High Commissioner For Refugees - UNHCR).

LATAR BELAKANG

2. UNHCR adalah sebuah Suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjaga dan melindungi kepentingan pelarian di sesebuah negara. Penghijrahan pelarian ini adalah disebabkan oleh salah satu atau lebih daripada keadaan berikut :-
 - i) Keadaan politik yang tidak stabil;
 - ii) Peperangan;
 - iii) Bencana alam; dan/atau
 - iv) Pelbagai faktor yang menggugat ketenteraman di sesebuah negara

yang boleh mengancam keselamatan pelarian seandainya masih terus berada di negara berkenaan.

Perwakilan UNHCR di Malaysia beribu pejabat di Kuala Lumpur bertanggungjawab melindungi pelarian yang terdapat di negara ini yang kebanyakannya adalah terdiri daripada rakyat Myanmar, Indonesia, Sri Lanka, Nepal dan Bangladesh.

3. Pihak UNHCR telah mengklasifikasikan pelarian tersebut kepada tiga kategori iaitu:-

- i) pelarian yang mencari perlindungan (*Asylum Seeker*);
- ii) pelarian yang diberikan perlindungan sementara (*Temporary Protection*); dan
- iii) pelarian yang diiktiraf secara individu (*Individually Recognised*).

KADAR CAJ

4. Kadar caj bagi rawatan perubatan/pembedahan/siasatan/ubat-ubatan/rawatan pesakit luar am/pakar yang dikenakan kepada pelarian yang diiktiraf dan berdaftar secara sah dengan UNHCR ialah 50% daripada kadar caj warga asing yang terdapat di dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2003.
5. Kadar deposit perubatan/pembedahan dan bersalin yang dikenakan kepada pelarian adalah 50% daripada kadar deposit yang dikenakan kepada warga asing seperti perintah di atas.

SYARAT- SYARAT YANG DIKENAKAN

6. Dokumen Pengenalan Diri

Pelarian hendaklah mengemukakan Surat Pengenalan Diri yang dikeluarkan oleh UNHCR yang mengesahkan status pembawanya sebagai pelarian yang dilindungi oleh UNHCR setiap kali mendapatkan rawatan di mana-mana hospital / klinik kerajaan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Surat Pengenalan Diri yang menyatakan status pembawanya sebagai masih dalam pertimbangan pihak UNHCR tidak boleh diterima pakai bagi mendapat pengurangan 50% daripada caj warga asing. Contoh-contoh Surat Pengenalan Diri yang dikeluarkan oleh

UNHCR adalah seperti di Lampiran A(i), A(ii) dan A(iii), manakala contoh tandatangan pegawai UNHCR yang telah diberikan kuasa untuk menandatangani surat tersebut adalah seperti di Lampiran B.

7. **Kad UNHCR**

Kad UNHCR hendaklah dikemukakan bersama Surat Pengenalan Diri ketika hendak mendapatkan perkhidmatan kesihatan di mana-mana institusi perubatan di bawah KKM. Contoh Kad UNHCR tersebut adalah seperti di Lampiran C.

8. **Surat Pengesahan UNHCR (*UNHCR Confirmation Letter*)**

Bagi pelarian yang tidak mampu menanggung kos rawatan perubatan, mereka perlu mengemukakan Surat Pengesahan UNHCR (*UNHCR Confirmation Letter*) yang mengesahkan bahawa UNHCR bersedia untuk menanggung perbelanjaan perubatan sehingga jumlah maksimum sebanyak RM200.00. Surat pengesahan ini dalam bentuk 'Letter of Intent' seperti di Lampiran D. Sekiranya kos rawatan adalah melebihi daripada RM200.00, pihak hospital hendaklah mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada pihak UNHCR sama ada UNHCR bersetuju untuk membayar baki kos rawatan tersebut. Jika pihak UNHCR tidak bersetuju, maka adalah tanggungjawab pesakit berkenaan untuk menanggung baki kos berkenaan. Segala pertanyaan dan pengebilan hendaklah dimajukan ke alamat berikut:

Programme Officer
UNHCR
570, Jln. Bukit Petaling
P.O. Box 10185
50706 Kuala Lumpur

atau hubungi talian telefon 03-21411322 dan fax 03-21411780.

9. **Pemasangan Peralatan *Implant* dan Prostesis**

Bagi kes pesakit tidak mampu untuk membayar kos pemasangan peralatan *implant* dan prostesis, pihak hospital hendaklah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak UNHCR untuk menanggung kos tersebut sebelum pemasangan dilakukan.

10. **Penyakit Berjangkit**

Bagi kes di mana seseorang pelarian menghidap penyakit berjangkit yang disenaraikan sebagai penyakit berjangkit oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, maka hendaklah dia diberikan rawatan perubatan percuma dan kemudahan wad kelas 3.


PEMAKAIAN DAN TARIKH BERKUATKUASA

11. Surat Pekeliling ini adalah terpakai bagi semua hospital, klinik dan institusi-institusi perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
12. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Februari 2006.
13. Semua syarat, kadar caj dan apa jua yang terkandung di dalam pekeliling ini adalah tertakluk kepada pindaan yang akan dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

Sekian sahaja, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HAJI ARIFIN BIN HAJI AHMAD)
Setiausaha Bahagian (Kewangan)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 24 Januari 2006

s.k : Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Fail (53) KKM 203/20 Jld.8

Fail (112) KKM 203/18/1 Jld.27